

FESYEN HALAL STYLE DALAM KALANGAN PELAJAR UNISSA

HALAL FASHION STYLE AMONG UNISSA'S STUDENTS

Dr Hajah Mas Nooraini Haji Mohiddin¹
Dayang Suaad Dr Haji Serbini²

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Negara Brunei Darussalam.
(E-mail: masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn).

²Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Negara Brunei Darussalam.
(E-mail: dygsuaad.drhjserbini@unissa.edu.bn)

Accepted date: 25 Novemeber 2018

Published date: 14 April 2019

To cite this document: Mohiddin, M. N., & Serbini, D. S. (2019). Fesyen Halal Style Dalam Kalangan Pelajar Unissa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 139-154.

Abstrak: Sejak kebelakangan ini seringkali didengar tentang halal lifestyle atau gaya hidup halal. Iaitu sebuah gaya hidup yang tengah menjadi tren global dan mulai diterapkan di berbagai pelosok dunia. Uniknya, bukan hanya negara muslim saja yang berupaya menerapkan gaya hidup ini, bahkan negara-negara yang berpenduduk majoriti non-muslim turut sama mengalami perubahan ini. Secara langsung menunjukkan bahawa dunia memberikan respon positif terhadap suatu sistem yang berasaskan syariah Islam. Universiti Islam Sultan Sharif Ali merupakan satu-satunya Universiti Islam yang terdapat di Brunei Darussalam yang menawarkan major program dalam pengajian Islam. Dalam usaha untuk melahirkan graduan yang bertaraf ulama yang tulen dan berwibawa sejajar dengan misi UNISSA, gaya hidup pelajar masa kini menjadi salah satu sukanan penentu tercapai atau tidak objektif berkenaan. Salah satu di antara gaya hidup yang penting ialah dari sudut berpakaian atau berfesyen. Dengan kemunculan pelbagai fesyen yang menjadi ikutan orang muda tanpa mengambil kira penyempurnaan dalam menutup aurat menjadi isu yang perlu di ambil perhatian serius. Ini memandangkan pelajar-pelajar UNISSA datang dari latar belakang pendidikan yang berbeza iaitu gabungan daripada sekolah yang berasaskan bidang agama dan dalam bidang sains. Kajian ini akan fokus kepada fesyen gaya hidup halal dari sudut pemahaman serta sejauh mana amalan ini menjadi trend dalam kalangan pelajar UNISSA. Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini secara teorinya adalah bersifat kuantitatif dan kualitatif, iaitu kajian menggunakan metode pengumpulan data melalui pemerhatian dan kaji selidik. Pengumpulan data kajian melalui perpustakaan di mana rujukan dibuat kepada sumber primer dan sekunder melibatkan kitab-kitab thurath sebagai rujukan utama berkaitan aurat dan juga sumber lain seperti buku, artikel, jurnal, kertas kerja seminar dan sebagainya. Jangkaan hasil kajian adalah tahap kefahaman dan amalan pelajar berkaitan fesyen halal adalah berbeza bergantung pada latar belakang pendidikan. Saranan yang diberikan adalah

dengan penguatkuasaan dan penambahbaikan peraturan-peraturan penutupan aurat yang sempurna tanpa mengabaikan fesyen gaya hidup terkini. Di samping itu mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi kefahaman bahawa betapa perlunya menutup aurat agar mereka sedar akan kewajipannya bukan hanya semata-mata terikat dengan peraturan Universiti bahkan terikat dengan peraturan kewajipan syariah.

Kata Kunci: Fesyen, halal, UNISSA.

Abstract: Nowadays, halal lifestyle has become a worldwide global trend. Uniquely, this halal lifestyle is not only accepted by the Muslim countries but has also influenced the non-Muslim countries' lifestyle. Indirectly, this shows that the world has given positive response towards Islamic-based system. Sultan Sharif Ali Islamic University (UNISSA) is the only university in Brunei Darussalam which offers major courses in Islamic studies. In line with UNISSA's mission to produce Islamic scholars with great piety (taqwa) quality among his graduates, their lifestyles are one of the benchmarks that must be considered in determining the achievement of this mission. One of the most important lifestyles is in terms of dressing and fashion. The emergence of fashions however does not take into account the importance of covering the aurah and has become an important issue for UNISSA's students. This is due to the influence of their different educational backgrounds; either from the Islamic schools or science-based schools. Hence, this study will focus on the understanding of the halal lifestyle in fashion and the extent of practicing this trend among UNISSA's students. Theoretically, quantitative and qualitative methods such as data collections, observations and surveys are used in conducting this study. Library data collections from premier sources like kitab thuraths and secondary sources such as contemporary books, articles, journals and seminar working papers are also referred to and become very important methods in this study. The expected outcome of this study is that the level of understanding and practicing halal fashion style among UNISSA's students are actually different due to their educational backgrounds. As a recommendation, all regulations regarding covering aurah should be enforced and enhanced without neglecting the contemporary fashion lifestyle. The understanding on the need of covering aurah should also be increased, so as they realize the obligation of covering aurah is not just because they are bound by the rules of the university, but it is also a shariah obligation that must be obeyed by all Muslims in this world.

Keywords: Halal, Fashion, UNISSA.

Pendahuluan

Sejak kebelakangan ini seringkali didengar tentang *halal lifestyle* atau gaya hidup halal. Iaitu sebuah gaya hidup yang tengah menjadi tren global dan mulai diterapkan di berbagai pelosok dunia. Uniknya, bukan hanya negara muslim saja yang berupaya menerapkan gaya hidup ini, bahkan negara-negara yang berpenduduk majoriti non-muslim turut sama mengalami perubahan ini. Secara langsung menunjukkan bahawa dunia memberikan respon positif terhadap suatu sistem yang berasaskan syariah Islam. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) merupakan satu-satunya Universiti Islam yang terdapat di Brunei Darussalam yang menawarkan major program dalam pengajian Islam. Dalam usaha untuk melahirkan graduan yang bertaraf ulama yang tulen dan berwibawa sejajar dengan misi UNISSA, gaya hidup pelajar masa kini menjadi salah satu sukatan penentu tercapai atau tidak objektif berkenaan. Salah satu di antara gaya hidup yang penting ialah dari sudut berpakaian atau berfesyen. Dengan kemunculan pelbagai fesyen yang menjadi ikutan orang muda tanpa mengambil kira penyempurnaan dalam menutup aurat menjadi isu yang perlu di ambil perhatian serius.

Meskipun UNISSA sebagai sebuah Universiti Islam namun masih terdapat dalam kalangan pelajar yang tidak menutup aurat secara sempurna dan lengkap sama ada dalam lingkungan persekitaran kampus ataupun lagi di luar kampus. Antaranya memakai tudung namun pendek hingga mempamerkan dada, berpakaian ketat hingga menampakkan bentuk tubuh dan berseluas tetapi ketat bagi lelaki. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pemahaman dan pengaruh mengenai fesyen-fesyen terkini yang menjadi trend dalam kalangan pelajar UNISSA tanpa mengabaikan penutupan aurat yang sempurna serta memenuhi ciri-ciri pakaian patuh syarak. Elemen ini adalah penting sebagai salah satu usaha untuk melahirkan graduan yang bertaraf ulama yang tulen dan berwibawa sejajar dengan misi UNISSA.

Metodologi

Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini secara teorinya adalah bersifat kuantitatif dan kualitatif, iaitu kajian menggunakan metode pengumpulan data melalui pemerhatian dan kaji selidik. Pengumpulan data kajian melalui perpustakaan di mana rujukan dibuat kepada sumber primer dan sekunder melibatkan kitab-kitab *thurath* sebagai rujukan utama berkaitan aurat dan juga sumber lain seperti buku, artikel, jurnal, kertas kerja seminar dan sebagainya. Di samping itu juga kajian kualitatif yang dilaksanakan melibatkan responden seramai 253 pelajar UNISSA iaitu seramai 103 pelajar lelaki dan 150 pelajar perempuan dari program Diploma Tertinggi Kebangsaan hinggalah ke peringkat Lepas Ijazah yang datang dari latar belakang pendidikan awal yang berbeza.

Definisi

Fesyen bermaksud gaya pakaian, kosmetik, tingkah laku dan lain-lain (terutamanya yang terbaru) yang menjadi kegemaran ramai (Kamus dewan, 2005).

Menurut Al-Dzahabi (2011 dalam Sarimah et al., 2016), fesyen adalah sesuatu yang berkembang pantas mengikut peredaran zaman. Fesyen juga mengikut keadaan sosial, politik dan kebudayaan sesuatu tempat. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa fesyen menurut keadaan sosial masa kini ialah melalui cara berpakaian ketika berada dalam golongan masyarakat. Justeru, fesyen tabarruj masa kini terdiri daripada pelbagai jenis dan kategori. Ianya bukan hanya fesyen dari segi pakaian tetapi juga dari segi dandanan rambut, kasut, beg, aksesori dan sebagainya. Pada dasarnya mengenakan pakaian adalah untuk mengelakkan diri daripada kesejukan dan kepanasan, menutup aurat, tetapi pada zaman sekarang apa yang dipakai sebenarnya dipengaruhi keinginan untuk berhias diri dan berdandan. Jika dahulu fesyen hanya sebagai keperluan tetapi masa kini ia merupakan kehendak yang tinggi dan mewah (Sarimah et al., 2016).

Gaya hidup halal merupakan suatu yang amat penting bagi kehidupan masyarakat Islam di dunia ini. Perkataan halal tersebut bermaksud apa-apa yang dibenarkan oleh Syarak. Syarak merupakan undang-undang dari Allah yang mengatur kehidupan peribadi dan sosial manusia. Pada dasarnya, halal disebutkan dalam al-Quran menjadi panduan bagi makanan yang bersumberkan dari binatang namun hakikatnya maksud halal adalah lebih luas termasuklah dari proses pengeluaran dan meliputi semua sektor dan menjadi cara yang penting bagi kehidupan masyarakat Islam yang dilaksanakan mengikut al-Quran dan Sunah. Hakikatnya, gaya hidup halal meliputi sektor tertentu seperti makanan dan minuman, perhotelan, pelancongan, pakaian, fesyen logistik dan kewangan. Semua ini dapat membantu menyumbang ke arah perdagangan global yang memicu ke arah perkembangan ekonomi negara Islam. Halal fesyen merupakan era baru dalam dunia fesyen dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam. Ini terbukti dengan permintaan yang tinggi terhadap fesyen moden termasuk hijab dan aksesorinya oleh

wanita Islam yang di anggarkan bernilai US\$44 bilion pada tahun 2015 (Tridjoko, 2017). Gaya hidup halal sudah mulai menjadi peluang pasaran bisnis yang terus berkembang. Kerana halal bukan lagi menjadi perhatian warga Muslim bahkan sudah menjadi tren dunia (Sapta, 2016).

Aurat Kod Pakaian Islam

Untuk mengenal pasti garis panduan bagi fesyen gaya halal, perkara yang paling penting dan utama yang perlu diketahui dan difahami ialah mengenai aurat perkara yang wajib di tuntut untuk dipelihara.

Mengikut Kamus Dewan (2005) aurat di definisikan sebagai ‘bahagian tubuh yang tidak boleh dilihat atau wajib di tutup menurut hukum Islam’. Di samping itu juga bermaksud “kemaluan atau telanjang secara umum’. Dapatlah disimpulkan bahawa aurat ialah sesuatu yang memalukan, yang mesti dijaga, di kawal atau disembunyikan supaya tidak terbuka sehingga boleh menyebabkan seseorang berasa malu atau dimalukan apabila terbuka. Ini jelas menggambarkan betapa perlunya seseorang menutup auratnya. Namun ramai manusia pada hari ini yang masih alpa atau tidak mempedulikan tuntutan tersebut (Shofian & Lotfiah, 2004).

Dari sudut istilah pula aurat tidak jauh berbeza dengan makna bahasa. Antaranya yang diutarakan oleh ulama ialah bahagian anggota badan yang wajib ditutup secara ijmak ulama ketika solat, sama ada pada bahagian hadapan atau belakang, bagi lelaki atau perempuan (Sayid Sabbiq, 1991:1, hlm 290). Definisi ini hanya memfokuskan aurat ketika solat sahaja, walau bagaimana pun sesetengah ulama berpendapat aurat ketika bersolat adalah sama bagi lelaki dan perempuan ketika luar solat iaitu dalam aktiviti harian.

Mengikut pengertian lain aurat ialah sesuatu yang tidak dibenarkan kepada perempuan memperlihatkan nya di hadapan lelaki ajnabi atau sebaliknya (Mamduh Muhammad, 1996, 61). Definisi ini lebih umum kerana tidak mengehadkan larangan mendedahkan anggota badan sahaja, malah merangkumi perhiasan-perhiasan dalaman, fesyen pakaian yang tertentu, suara dan beberapa perkara lain. Ini menyatakan bahawa ulama sepakat dalam memutuskan hukum menutup aurat merupakan wajib namun tidak sepakat dalam menggariskan batas-batas aurat yang wajib di tutup oleh lelaki atau perempuan sama ada sama ketika solat atau sebaliknya (Shofian & Lotfiah 2004).

Aurat bagi lelaki dan perempuan adalah berbeza mengikut keadaan. Meskipun banyak pendapat di kalangan mazhab Shafi'i berkaitan dengan aurat lelaki, namun pendapat yang lebih tepat dalam hal ini, ialah aurat lelaki adalah antara pusat dan lutut sedangkan pusat dan lutut tidak termasuk aurat pusat dan lutut tidak dikira aurat. tetapi tetap diwajibkan menutup sebahagian lutut supaya tertutup juga paha dan sebahagian pusat supaya tertutup, juga bahagian bawah pusat kerana apabila tidak sempurna kewajipan kecuali dengan sesuatu, maka sesuatu itu juga menjadi wajib berdasarkan kaedah ini, “sesuatu yang tidak dapat menyempurnakan perkara wajib, maka ia juga menjadi wajib”. Makan bahagian pusat dan lutut juga adalah wajib ditutup supaya bahagian anggota yang berada di antaranya turut tertutup (Wahbah, 2005).

Sepertimana riwayat al-Harith bin Abi Usamah daripada Abu Usamah daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a yang bermaksud:

“Aurat orang mukmin ialah antara pusat dan lututnya”.¹

¹ Khalid bin Mardas Abu Haitham (2004) Hadis Khalid bin Mardas al-Siraji. Maktabah shamilah.

Sabda Rasulullah s.a.w: kepada Jarhad al-Aslami:

“Tutuplah paha mu, sesungguhnya paha itu aurat”.²

Menurut pendapat yang sahih di kalangan mazhab Shafi'i aurat perempuan dengan laki-laki lain ialah seluruh badannya kecuali muka dan dua tapak tangan.

Dalil yang kuat membuktikan kenyataan tersebut hadis riwayat Abu Daud dari jalan Aisyah r.a., bahwa Asma' binti Abu bakar pernah masuk ke rumah Nabi s.a.w. dengan berpakaian tipis, kemudian Nabi memalingkan mukanya sambil ia berkata:

"Hai Asma'! Sesungguhnya perempuan apabila sudah datang waktu haidnya (sudah baligh) tidak patut di nampakkan badannya, kecuali ini dan ini sambil ia menunjuk muka dan dua tapak tangannya."

Pada zaman sebelum kedatangan Islam, kaum wanita suka berjalan-jalan dengan mendedahkan aurat mereka seperti leher, bahagian atas dada dan rambut. Apabila mereka memakai tudung, hanya menutup bahagian atas kepala dan belakang leher sahaja. Manakala bahagian hadapan leher dan dada di biarkan terdedah sehingga menampakkan mahkota mereka semata-mata menggoda kaum lelaki. jika memakai selendang hujungnya dibiarakan berjuntai ke belakang bagi memperlihatkan barang-barang kemas yang d pakai. Setelah kedatangan Islam, Allah swt telah menegur kaum wanita Islam agar tidak terpengaruh dengan sikap dan cara berpakaian masyarakat jahiliah tersebut ³ (Shofian & Loftiah, 2004).

Kriteria Halal Dalam Berfesyen

Adapun tujuan pakaian dalam pandangan Islam ada dua iaitu untuk menutup aurat dan berhias (Yusuf, 1993). Seperti mana firman Allah s.w.t dalam surah Al-'Araf ayat 26 yang bermaksud:

"Hai anak cucu Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan untuk kamu pakaian yang dapat menutupi aurat-aurat kamu dan untuk perhiasan".

Berdasarkan ayat tersebut secara langsung menggambarkan bahawa mengabaikan salah satu dua perkara tersebut iaitu berpakaian untuk menutup aurat atau berhias, adalah menyimpang dari ajaran Islam dan Allah melarang keras mereka yang telanjang dan tidak mahu berhias. Menutup aurat adalah suatu perkara yang wajib bagi setiap Muslim sesuai dengan fitrah nya yang akan malu jika auratnya itu terbuka.

Hakikatnya, Islam tidak melarang umatnya untuk berhias dan memakai benda-benda yang baik. Namun terdapat kriteria tertentu yang patut di jaga dalam penutupan aurat yang sempurna. Dapat lah disimpulkan bahawa terdapat 5 kriteria yang wajib dipatuhi baik lelaki dan perempuan dalam pemakaian fesyen halal (Jamal, 1989; Shofian & Loftiah, 2004) iaitu:

1. Menutup seluruh auratnya sesuai dengan maksud aurat itu sendiri.

² Al-Imam Abi Isa Muhammad bin Isa bin Isa bin Saurah al-Tirmizi (2007) Sunan al-Tarmizi. Tahqiq: Izzat Ubaid al-Du'as, Juz 7, Beirut: Dar Ibnu Katsir. Abu Zahrah Muhyidin Yahya bin Sharf al-Nawawi (1392) Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim bin al-Hajjar. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath.

³ Surah al-Ahzab ayat 33: " Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang jahiliah zaman dahulu".

Setiap perempuan Muslimah bukan sahaja harus menutup kepalanya dengan tudung bahkan menutup dadanya termasuk juga lehernya, sehingga sedikit pun tempat-tempat yang membawa fitnah ini tidak terbuka yang memungkinkan dilihat oleh orang lain. Firman Allah swt dalam surah An-Nur ayat 31 bermaksud;

"Hendaknya mereka itu melabuhkan tudungnya sampai ke dadanya."

Maksud *khumur* (tudung), iaitu semua alat yang dapat dipakai untuk menutup kepala. Sedang apa yang disebut *juyub* kata *jama'* (banyak) dari kata *jaibun*, iaitu belahan dada yang terbuka, tidak tertutup oleh pakaian atau baju (Yusuf, 1993)

2. Pakaian hendaklah longgar agar tidak menampakkan susuk tubuh dan tidaklah terlalu nipis dan jarang sehingga menampakkan warna kulit.

Islam mengharamkan perempuan memakai pakaian yang membentuk dan tipis sehingga nampak kulitnya. Termasuklah di antaranya pakaian yang dapat mempertajam bahagian-bahagian tubuh, khususnya tempat-tempat yang membawa fitnah seperti buah dada, paha dan sebagainya (Yusuf, 1993). Sayidatina Aisyah r.a pernah menegur tudung Hafsa, anak saudaranya apabila dia datang dengan bertudung menutup lehernya tetapi material nya sangat nipis. Kata Aisyah "Ini amat nipis, tidak dapat menutupnya" (Shofian & Lotfiah, 2004). Pakaian seperti ini juga merendahkan martabat wanita yang memakainya hingga dilihat sebagai objek seks oleh lelaki. Kain tersebut juga bukan daripada jenis kain yang terlalu licin dan lembut sehingga boleh melekat pada tubuh dan menampakkan susuk badan. Sebagai contoh pakaian daripada jenis *chiffon* dan *lycra* yang terdapat di pasaran masa kini yang menjadi pilihan wanita Muslimah. Seharusnya pakaian tersebut juga mestilah pakaian yang tidak membangkitkan syahwat lelaki (Sarimah et al, 2016).

3. Design pakaian bukanlah dalam bentuk yang boleh menarik perhatian orang lain.

Walau bagaimanapun, kriteria tersebut di tambah lagi dengan beberapa perkara seperti pemakai, orang yang melihat, niat dan gambar. Halal atau haramnya suatu pakaian tergantung pada pemakainya. Jilbab adalah pakaian yang halal digunakan oleh perempuan. Namun akan menjadi haram hukumnya apabila laki-laki yang menggunakan. Pakaian yang menyerupai lelaki dan sebaliknya; Rasulullah saw pernah menyatakan bahawa perempuan di larang memakai pakaian laki-laki dan laki-laki di larang memakai pakaian perempuan. Di samping itu juga melaknat laki-laki yang menyerupai perempuan dan sebaliknya. Ini termasuklah di antaranya melalui percakapan, gerak geri, cara berjalan, berpakaian dan sebagainya (Yusuf, 1993).

Seorang perempuan halal untuk memakai pakaian pendek jika dan hanya jika dilihat oleh mahramnya di dalam rumah. Hukumnya haram apabila dilihat oleh selain mahramnya. Karena Allah telah memerintahkan kaum hawa untuk menutup auratnya kecuali muka dan telapak tangan. Dan juga diperintahkan untuk mengulurkan jilbab ke seluruh tubuhnya seperti yang terdapat dalam Al-Qur'an surat Al-Ahzab ayat 59 bermaksud ;

"Wahai Nabi! Katakanlah kepada istri-istrimu, anak-anak perempuanmu dan istri-istri orang mukmin, "Hendaklah mereka menutupkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka." Yang demikian itu agar mereka lebih mudah untuk dikenali, sehingga mereka tidak diganggu. Dan Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang".

4. Kriteria seterusnya berkaitan dengan niat dan motif penggunaan fesyen halal. Ada sebuah hadits yang berbunyi “Innamal a’malu bin niat”. Sesungguhnya segala perbuatan tergantung pada niat. Hadis yang singkat tetapi bermakna dalam termasuklah juga dalam dalam bab fesyen. Fesyen halal pakaian yang digunakan haruslah diniatkan karena Allah, untuk beribadah dan mendapat ridha-Nya. Tidak boleh ada sedikitpun niat untuk ria ataupun merendahkan orang lain. Karena Allah tidak menyukai orang-orang yang menyombongkan diri, terlebih menzalimi orang lain.

Rasulullah saw bersabda:

“Barang siapa melabuhkan kainnya karena sompong, maka Allah tidak akan melihatnya nanti di hari kiamat” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Bukan tujuan untuk menunjuk-nunjuk dan berlebih-lebih. Bermaksud melewati batas ketentuan dalam menikmati yang halal. Sombong pula berkait rapat dengan masalah niat dan hati manusia berkait dengan masalah yang zahir. Apa yang di maksudkan kesombongan itu ialah untuk bermegah-megah dan menunjuk-nunjuk serta menyombongkan diri terhadap orang lain. Sedangkan Allah sama sekali tidak suka terhadap orang yang sompong. Kerana berpakaian yang berlebih-lebih mendorong ke arah timbulnya perasaan angkuh dan membanggakan diri (Yusuf, 1993).

Seperti mana hadis Rasulullah saw bermaksud:

“Barang siapa memakai pakaian yang berlebih-lebihan, maka Allah akan memberikan pakaian kehinaan nanti di hari kiamat”. (Riwayat Ahmad, Abud Daud, Nasai dan Ibnu Majah).

Perempuan jahiliah mempunyai perangai yang suka menunjuk-nunjukkan perhiasannya (*tabaruj*) dan suka menarik perhatian lelaki (Yusuf, 1993). *Tabaruj* mempunyai bentuk dan corak yang bermacam-macam yang sudah di kenal oleh orang-orang banyak sejak zaman dahulu hingga sekarang antaranya ialah memperlihatkan perhiasan dan melepaskan tudungnya sehingga memperlihatkan lehernya.

1. Kriteria terakhir dalam menentukan kehalalan fesyen adalah reka dan gambar. Melalui fesyen halal ini pakaian yang dikenakan bukan hanya sebatas menutup aurat, tetapi juga harus syariah dalam motif pakaianya. Umat muslim tidak diperbolehkan untuk mengenakan pakaian bergambar yang melanggar syariah Islam. Termasuk simbol-simbol yang tidak ada manfaatnya bagi yang melihat. Dalam mengaplikasikan *Islamic fashion* seorang muslim haruslah memilih motif pakaian yang akan dikenakan (Duniajilbab, 2017). Rasulullah saw bersabda yang bermaksud

“Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia termasuk dalam kaum tersebut” (Riwayat Abu Daud).

Fesyen Up to date

Dalam era globalisasi dan ledakan maklumat, dunia fesyen menjadi semakin diminati oleh semua golongan termasuk pereka dan pengguna. Namun di sebalik kepesatan ini perlulah dilihat sejauh manakah fesyen-fesyen pakaian tersebut memenuhi ciri-ciri pakaian patuh syarak (Shofian & Lutfiah, 2004).

Masyarakat Islam masa kini sama seperti masyarakat lain di dunia ini mengalami perubahan modenisasi termasuklah dari aspek berpakaian dan gaya hidup. Dalam kes ini, generasi muda paling terdedah kepada perubahan dunia dan menjadi fokus utama pemerhatian. Di Negara-negara Islam pelbagai pelan atau strategik telah di laksanakan bagi meningkatkan kesedaran mengenai industri pakaian halal dan pada masa yang sama mempertahankan kepelbagaian budaya manusia. Justeru, menarik perhatian generasi muda adalah salah satu jalan untuk memelihara ketahanan bisnis pakaian halal (Fared & Jibrail, 2016).

Muslim dan fesyen telah berjalan beriringan sejak Islam diturunkan. Dari perspektif syariah pakaian yang dikenakan oleh seseorang Muslim dan Muslimah merupakan ungkapan ketaatan kepada Allah Ta'ala. Maka, berpakaian bagi seorang Muslim adalah memiliki nilai ibadah yang mesti berpandukan aturan yang telah ditetapkan syariat. (Saviq, 2018).

Masyarakat yang asalnya kurang memberikan perhatian kepada fesyen kini mula tertarik dan menganggap ia sebagai suatu keperluan. Kehadiran fesyen yang *up-to-date* mengikuti perkembangan arus dunia menjadikan fesyen Muslim terus melakukan transformasi dari gaya konservatif menjadi lebih kontemporari dan berjiwa muda (Saviq, 2018). Namun begitu, lambakan rekaan fesyen seperti ini dikatakan telah menimbulkan kekeliruan bagi sebahagian besar golongan wanita Islam mengenai tuntutan berpakaian mengikut *syariat* Islam. Tambahan pula, terkini dalam industri fesyen telah mendedahkan satu bentuk fesyen berpakaian yang dilabelkan sebagai fesyen Muslimah, iaitu fesyen berpakaian yang sesuai dengan wanita Islam (Suraya, 2013), ini termasuklah cara bertudung. Pada masa kini pelbagai gaya tudung dipakai. Senario seperti tudung yang kadangkala tidak lengkap dipakai, memakai tudung tapi masih nampak batang leher, menampakkan dada, memakai tudung tetapi pada masa yang sama memakai kain belah di bawah atau berseluas ketat dan sebagainya. Terdapat juga pelbagai warna dan pelbagai gaya tudung dipakai kerana pelbagai warna dan pelbagai fesyen tudung direka untuk wanita-wanita Islam kini. Selain itu, terdapat juga golongan wanita yang bergaya dengan sanggul yang sengaja ditinggikan yang bertujuan untuk mendapatkan perhatian. Bahkan sanggul tiruan kini, turut mendapat permintaan yang tinggi di luar sana (Yusuf, 2011).

Fesyen pakaian pelajar UNISSA

Impak globalisasi telah menyebabkan cara berpakaian secara Islamik semakin terhakis di kebanyakan dunia Islam dan digantikan dengan fesyen dari Barat. Isu yang timbul ialah keunikan pakaian patuh syarak semakin tenggelam (Fared & Jibrail, 2016). Dengan kewujudan fesyen halal terkini memberikan nafas baru terhadap perkembangan fesyen tanpa mengabaikan syarat utama dalam menutup aurat.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) merupakan satu-satunya Universiti Islam di Brunei Darussalam yang menawarkan major pengajian Islam. Dalam usaha untuk melahirkan graduan yang bertaraf ulama yang tulen dan berwibawa sejarah dengan misi UNISSA, gaya hidup pelajar masa kini menjadi salah satu sukanan penentu tercapai atau tidak objektif berkenaan. Salah satu di antara gaya hidup yang penting ialah dari sudut berpakaian atau berfesyen. Dengan kemunculan pelbagai fesyen yang menjadi ikutan orang muda tanpa mengambil kira penyempurnaan dalam menutup aurat menjadi isu yang perlu di ambil perhatian serius. Ini memandangkan pelajar-pelajar UNISSA datang dari latar belakang pendidikan yang berbeza iaitu gabungan daripada sekolah yang berasaskan bidang agama dan dalam bidang sains. Kajian ini akan fokus kepada fesyen gaya hidup halal dari sudut pemahaman serta sejauh mana amalan ini menjadi trend dalam kalangan pelajar UNISSA.


Islam menggalakkan mengenakan pakaian yang cantik seperti mana yang disukai oleh Allah dan Rasul. Isunya adalah sering kali terlepas pandang mengenai penutupan aurat yang sempurna sebagai contoh menggayakan tudung. Anggapan bahawa aurat hanyalah menutup telinga dan leher serta rambut adalah anggapan yang tidak tepat. Oleh sebab itu, ramai pelajar IPT yang masih mengenakan tudung yang tidak patuh syarak. Ditambah lagi dengan gaya tudung yang trend masa kini di antaranya tudung hanya di labuhkan di belakang dan dipendekkan di hadapan. Bagi aurat lelaki pula, meskipun dianggap ringan namun masih terdapat pelajar yang tidak mengambil berat mengenainya seperti mengenakan seluar yang ketat dan nipis.

Kajian ini akan fokus kepada fesyen gaya hidup halal dari sudut pemahaman serta sejauh mana amalan ini menjadi trend dalam kalangan pelajar UNISSA. Kaedah kaji selidik telah digunakan bagi mengenal pasti isu tersebut dan telah di jalankan ke atas 253 pelajar UNISSA iaitu seramai 103 pelajar lelaki dan 150 pelajar perempuan. Soalan kaji selidik bagi lelaki dan perempuan adalah berbeza meskipun terdapat beberapa soalan yang sama. Justeru pembahagian dari hasil kajian bolehlah di bahagikan kepada dua iaitu bagi pelajar lelaki dan juga pelajar perempuan. Soalan yang diajukan di bahagikan kepada dua aspek iaitu dari sudut pengetahuan dan pelaksanaan.

Kebanyakan responden lelaki berumur di antara 17-24 tahun sesuai dengan umur yang masih dalam pengajian Tinggi dari peringkat Diploma Tertinggi dan sarjana muda iaitu seramai 102 orang (99%) dan hanya 1 pelajar yang berumur lebih dari 24 tahun iaitu pelajar peringkat kedoktoran. Seramai 57 orang pelajar lelaki iaitu (55%) memperoleh pendidikan asas bidang sains dari sekolah tertinggi sebelum bergabung dengan UNISSA dan 43 pelajar (42%) datang dari pengajian Islam seperti Sekolah Arab dan Maahad Tahfiz sementara selebihnya tidak dinyatakan dari sekolah mana.


Dalam aspek pemahaman dan pengetahuan responden berkaitan dengan aurat, soalan pertama yang dikemukakan berkaitan dengan pengetahuan mengenai aurat dan batas-batasnya khusus bagi lelaki. Secara umumnya semua responden memahami apa yang dimaksudkan dengan pengertian aurat iaitu anggota badan yang perlu disembunyikan bukan untuk didedahkan. Apabila diajukan soalan berkaitan dengan batas aurat lelaki menurut mazhab shafi'i, seramai 52 orang pelajar menyatakan batas aurat lelaki adalah dari atas pusat hingga atas lutut. Sementara 31 orang pelajar menyatakan batas aurat adalah antara bawah pusat hingga bawah lutut. Meskipun demikian masih terdapat 2 responden yang menyatakan aurat lelaki ialah seluruh badan kecuali kepala dan kaki.

Pelbagai fesyen terkini yang muncul baik untuk lelaki dan perempuan yang menjadi ikutan. Antaranya baju ketat (slim fit), seluar ketat yang menampakkan segala bentuk serta pakaian jarang dan nipis. Seramai 45 pelajar menyatakan bahawa pemakaian baju *slim fit* khususnya bagi lelaki adalah dianggap menutup aurat. Sementara pemakaian seluar ketat yang menampakkan segala bentuk seramai 84 responden menyatakan ia dianggap tidak menutup aurat. Keputusan yang sama di peroleh bagi kategori pemakaian material yang nipis dan jarang bagi lelaki iaitu sebanyak 85 orang menyatakan masih lagi mendedahkan aurat.



Rajah 1: Pakaian Yang Di Anggap Menutup Aurat

Sebab utama yang mendorong responden mengenakan pakaian yang menutup aurat boleh di bahagikan kepada 4 faktor iaitu mematuhi syarak, kebiasaan, mengikut peraturan Universiti dan pengaruh daripada keluarga dan kawan-kawan. Hasil kajian mendapati 97 pelajar menyatakan bahawa memakai pakaian yang menutup aurat adalah kerana mematuhi syarak. Manakala faktor kedua tertinggi ialah kerana menjadi kebiasaan memakai pakaian yang menutup aurat iaitu sebanyak 81 orang pelajar. Faktor ketiga pula mengikut peraturan Universiti merupakan alasan untuk memakai pakaian yang menutup aurat iaitu seramai 76 responden. Pengaruh dari keluarga dan kawan-kawan merupakan jumlah terendah di pilih oleh responden iaitu seramai 63 orang yang dijadikan alasan memakai pakaian yang tidak mendedahkan aurat.



Rajah 2: Faktor Utama Menutup Aurat Bagi Pelajar lelaki

Dari aspek pelaksanaan pula, soalan yang diajukan lebih berbentuk praktikal yang diamalkan oleh responden seperti pemakaian jenis-jenis pakaian dalam aktiviti atau majlis tertentu termasuklah pakaian ketika menghadiri kuliah. Secara amnya keseluruhan responden menyatakan baju MIB⁴ merupakan pakaian yang paling sesuai digunakan semasa berada di Universiti. Sementara 94 orang pelajar beranggapan bahawa baju kemeja lebih sesuai ketika menghadiri kuliah. Baju Melayu pula adalah pilih ketiga terbanyak iaitu 88 orang diikuti dengan pakaian kurta⁵ sebanyak 69 orang dan pilihan terakhir bagi pakaian yang paling sesuai digunakan ialah jubah seramai 58 orang.

Mendahului senarai faktor utama mengenakan pakaian menutup aurat di kalangan pelajar adalah kerana selesa merupakan jumlah paling tertinggi iaitu 96 orang dan alasan mematuhi syarak merupakan pilihan responden yang kedua tertinggi iaitu seramai 91 orang. Jumlah kedua terendah ialah kerana pakaian tersebut ringkas dan santai sebanyak 89 responden dan alasan mengenakan pakaian berkenaan mampu meningkatkan keyakinan diri sebanyak 76 orang adalah senarai paling bawah bagi penutupan aurat.

Pakaian Melayu merupakan pakaian yang paling sesuai dalam majlis keagamaan seperti mana yang dipilih oleh responden sebanyak 94 dan diikuti dengan pakaian jubah sebanyak 86, baju MIB sebanyak 80, baju kurta sebanyak 76 dan kemeja merupakan pakaian yang kurang sesuai dipakai iaitu seramai 45 orang.

Bagi acara atau aktiviti bebas seperti membeli-belah dan berjalan-jalan, seramai 98 orang responden gemar memakai *t-shirt* berbanding 86 orang memilih kemeja dan 79 orang lebih gemar memakai kurta. Bagi pemakaian seluar pula seramai 90 orang responden lebih gemar

⁴ Baju MIB ialah baju yang dihasilkan bersumberkan falsafah Brunei iaitu Melayu Islam Beraja yang menggabungkan unsur keBruneian, KeMelayuan dan kelslaman bertepatan dengan cita rasa dan budaya.

⁵ Baju kurta ialah pakaian harian orang-orang Arab.

memakai seluar jeans ketika melakukan aktiviti bebas, dan seramai 88 orang suka memakai seluar biasa. Masih terdapat di kalangan pelajar lelaki yang mengenakan seluar pendek iaitu seramai 13 orang.


Ketika dikemukakan soalan adakah apa-apa perubahan dari sudut menutup aurat sebelum bergabung dengan universiti, jawapan tiada perubahan merupakan jawapan paling banyak di terima iaitu 72 orang (70%) dan hanya 23 orang (22%) menyatakan ada perubahan dari pemakaian sementara selebihnya tidak pasti ada perubahan atau tidak. Soalan terakhir menjurus kepada pandangan responden berkenaan dengan pemerhatiannya terhadap pakaian pelajar-pelajar UNISSA adakah menepati syarak atau sebaliknya. Seramai 60 orang (58%) menyatakan kebanyakan pakaian yang dikenakan adalah patuh syarak meskipun terdapat pandangan yang menyatakan sebaliknya iaitu 22 orang (21%).

Dalam kajian yang melibatkan pelajar perempuan pula, seramai 150 orang pelajar secara keseluruhan dan kebanyakan berumur antara 17-24 tahun iaitu 99%. Seramai 95 orang (63%) adalah pelajar yang memperoleh pendidikan asas dalam bidang sains sementara selebihnya dari pendidikan agama. Hanya 1 orang responden sahaja yang mengikuti pengajian peringkat kedoktoran dan selebihnya dari peringkat Diploma dan Sarjana Muda. Hampir keseluruhan pelajar mengetahui dan memahami apa yang dimaksudkan dengan pengertian aurat. Meskipun kebanyakan responden datang dari berpendidikan sains, namun mereka telah pun mempelajari pendidikan awal agama yang merupakan suatu kemestian bagi setiap pelajar. Tidak hairanlah asas pengetahuan agama yang diperoleh semasa sekolah rendah menjadikan pengetahuan mengenai maksud aurat dikenal pasti.

Hasil kajian mendapati hampir semua responden perempuan mengetahui dengan tepat melabuhkan tudung hingga menutup dada adalah batas aurat yang sempurna di per setujui oleh 146 pelajar sementara selebihnya mengakui cukup hanya menutup atas dada atau leher sahaja di anggap sudah menutup aurat.

Mendahului senarai faktor utama mengenakan pakaian aurat di kalangan pelajar adalah patuh syarak iaitu seramai 145 orang diikuti dengan sudah menjadi kebiasaan sebanyak 122 orang, pengaruh dari keluarga dan kawan-kawan merupakan senarai ketiga iaitu sebanyak 97 dan terakhir kerana mematuhi peraturan Universiti sebanyak 93 orang.

Menurut pandangan pelajar, baju kurung dan jubah merupakan pakaian yang paling sesuai dipakai ketika menghadiri kuliah iaitu sebanyak 149 responden memilih baju kurung dan 148 responden memilih jubah. Menduduki senarai ketiga ialah memakai blouse dan skirt iaitu sebanyak 50 responden dan terakhir pakaian yang kurang sesuai ialah baju fesyen iaitu sebanyak 14 responden sahaja. Patuh Syarak adalah faktor utama yang mendorong pelajar-pelajar perempuan menutup aurat iaitu sebanyak 145 orang diikuti dengan faktor kebiasaan sejumlah 122 orang, faktor pengaruh daripada keluarga, kawan-kawan serta persekitaran sebanyak 97 orang dan yang terakhir faktor peraturan UNISSA sebanyak 93 orang. Gambaran mengenainya dengan jelas dapat di lihat dari graf di bawah.




Rajah 3: Faktor Utama Menutup Aurat Bagi Pelajar Perempuan

Dapatan yang sama diperoleh mengenai pakaian yang biasa di pakai ketika menghadiri majlis keagamaan. Mendarului dalam senarai pakaian baju kurung diikuti dengan jubah, blouse dan terakhir mengenakan baju fesyen adalah kurang sesuai di pakai ketika menghadiri majlis tersebut. Bagi aktiviti bebas pula, Jubah tetap menjadi pilihan pakaian pelajar-pelajar perempuan (134 responden) meskipun didahului oleh pakaian baju labuh (135 responden). Walau bagaimana pun, masih terdapat di kalangan pelajar yang masih mengenakan baju yang pendek (19 responden) dan tuck-in (22 responden).

Corak yang sama dengan responden pelajar lelaki di kenal pasti berkaitan dengan dua soalan terakhir iaitu; adakah perubahan dari segi pakaian dan penutupan aurat sebelum dan selepas bergabung dengan UNISSA dan adakah kebanyakan pakaian mahasiswa dan mahasiswi UNISSA menepati syarak. Bagi soalan pertama seramai 69 orang (49%) menyatakan tiada apa-apa perubahan sementara 67 orang (45%) menyatakan sebaliknya. Daripada semua responden kajian, mengakui bahawa kebanyakan pelajar mengenakan pakaian patuh syarak iaitu sebanyak 43 orang (29%) meskipun 35 orang (23%) menyatakan sebaliknya. Namun senarai yang mendarului ialah pelajar kurang pasti mengenainya sebanyak 72 orang (48%).

Perubahan pakaian sebelum & selepas bergabung dengan UNISSA



Rajah 4: Perubahan Pakaian Sebelum dan Selepas Bergabung Dengan UNISSA

Perbincangan

Allah telah mewajibkan wanita dan lelaki mukmin menutup aurat serta mengharamkan pendedahan aurat. Tujuan dan hikmahnya adalah untuk menjaga kehormatan manusia dan menyekat pergaulan bebas yang boleh membawa masalah kepada kemajuan manusia. Penutupan aurat banyak ditumpukan kepada kaum wanita kerana mereka lebih banyak tarikan dan kecantikan di mana kecantikan ini hanya boleh dipamerkan kepada suami atau mahramnya. Meskipun demikian, tidak bermakna syarak tidak memberi tumpuan kepada lelaki dalam hal penutupan aurat. Lelaki juga mempunyai batas-batas tertentu yang wajib dipelihara. Namun ia lebih ringan berbanding dengan aurat wanita disebabkan sifat semula jadi lelaki serta peranannya dalam masyarakat sebagai pelindung kepada wanita menuntutnya bekerja lebih keras dan bergerak bebas. Justeru sewajarnya lah kelonggaran diberikan kepada lelaki (Shofian & Lotfiah, 2004).

Secara keseluruhan hasil dari kajian menunjukkan bahawa hampir semua pelajar-pelajar UNISSA memahami dan mengetahui apa yang di maksudkan dengan bahagian anggota badan yang perlu disembunyikan. Meskipun demikian, masih terdapat pelajar-pelajar sama ada lelaki atau perempuan yang tidak mengetahui secara jelas batas atau kriteria dalam menggaya fesyen halal. Perkara ini terjadi sama ada semasa berada di dalam kampus UNISSA atau berada di luar kampus. Sebagai contoh masih terdapat segelintir pelajar lelaki yang mengenakan seluar pendek ketika berada di luar kampus. Bagi pelajar perempuan pula, fahaman mengenai batas aurat di atas dada adalah suatu yang kurang tepat akibatnya fesyen tudung berkenaan bukan sahaja di pakai ketika berada di luar kampus bahkan semasa menghadiri kuliah. Ditambah lagi dengan pelbagai fesyen tudung terkini yang lebih banyak bermotifkan gaya dari menekankan penutupan aurat yang sempurna. Seperti pemakaian tudung yang panjang di belakang dan mendedahkan bahagian dada sama seperti yang berlaku pada zaman jahiliah.

Faktor utama yang mendorong ke arah penutupan aurat yang sempurna ialah disebabkan oleh patuh syarak yang mewajibkan hal tersebut ke atas semua umat Islam di perakui oleh hampir kesemua responden. Meskipun jumlah tertinggi bagi alasan yang diberikan dalam memilih

pakaian tertentu adalah disebabkan kerana merasa selesa dengan pakaian tersebut. Ini menunjukkan keutamaan dalam mengenakan pakaian di samping memenuhi syarak keselesaan pemakaiannya juga menjadi subjek penting.

Dalam mengenakan pakaian, fesyen halal menjadikan pilihan pelajar-pelajar tanpa melupakan pakaian yang bercirikan keMelayuan dan keBruneiaan. Seperti pakaian MIB dan baju Melayu yang menjadi pilihan pakaian pelajar lelaki ketika menghadiri majlis-majlis tertentu sementara MIB dan Kurta juga boleh di sesuaikan dengan aktiviti keagamaan dan acara bebas. Jubah dan baju kurung merupakan pilihan pelajar perempuan ketika menghadiri majlis tertentu bahkan jubah juga sesuai digunakan bagi aktiviti bebas seperti berjalan-jalan dan membeli belah. Ini menunjukkan bahawa jubah yang dahulunya hanya digunakan oleh orang-orang dewasa kini menjadi popular di kalangan remaja disebabkan kerana reka bentuk yang *update* dan boleh di sesuaikan dengan hampir semua aktiviti. Meskipun demikian, masih terdapat dalam kalangan pelajar perempuan yang memakai baju pendek dan *tuck-in* yang boleh menampakkan susuk dan bentuk badan mahupun mendedahkan bahagian tarikan yang patut disembunyikan ketika berada di luar kampus.

Penutup

Dalam era globalisasi dan ledakan maklumat, dunia fesyen menjadi semakin diminati oleh semua golongan termasuk pereka dan pengguna. Gaya hidup halal menjadi *tren* global dan mulai diterapkan di berbagai pelosok dunia. Bukan hanya negara muslim saja yang berusaha menerapkan gaya hidup ini, bahkan negara-negara non-muslim turut sama mengalami perubahan ini. Ini jelas menunjukkan bahawa dunia memberikan respon positif terhadap suatu sistem yang berasaskan syariah Islam. Hakikatnya, Islam tidak melarang umatnya untuk berhias dan memakai benda-benda yang baik. Namun terdapat kriteria tertentu yang patut di jaga dalam penutupan aurat yang sempurna. Kajian yang di jalankan ke atas pelajar-pelajar UNISSA merupakan inisiatif untuk mengenal pasti sejauh mana pelajar Universiti Islam ini menitik beratkan penjagaan aurat dengan sempurna bukan hanya ketika berada di kampus bahkan di luar kampus. Natijahnya fesyen gaya halal merupakan cara hidup pelajar-pelajar UNISSA meskipun pelajarnya datang dari pelbagai latar belakang pendidikan awal. Namun perubahan ke arah penyempurnaan menutup aurat sedang berlaku bukan sahaja di sebabkan oleh patuh syarak bahkan juga di pengaruhi oleh kawan-kawan dan persekitaran. Saranan yang diberikan adalah dengan penguatkuasaan dan penambahbaikan peraturan-peraturan penutupan aurat yang sempurna ketika berada di kampus tanpa mengabaikan fesyen gaya hidup terkini agar menjadi suatu kebiasaan kepada pelajar-pelajar. Di samping itu mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi kefahaman bahawa betapa perlunya menutup aurat agar mereka sedar akan kewajipannya bukan hanya semata-mata terikat dengan peraturan Universiti bahkan terikat dengan peraturan kewajipan syariah.

Rujukan

- Abdul Rahman, Al-Jaziri. (2003) *Al-Fiqh ala al-Mazhab al-‘Arba’ah*. Beirut : Dar Al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Abu Zahrah Muhyidin Yahya bin Sharf al-Nawawi (1392) *Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim bin al-Hajjar*. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath.
- Al-Imam Abi Isa Muhammad bin Isa bin Isa bin Saurah al-Tirmizi . (2007). *Sunan al-Tarmizi*. Tahqiq: Izzat Ubaid al-Du‘as, Juz 7, Beirut: Dar Ibnu Katsir,
- Dewan bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Duniajilbab (2017) *Memaknaai Kehalalan Fesyen Dalam Tren Gaya Hidup Halal*. <https://duniajilbab.co.id/artikel-islami/memaknai-kehalalan-fashion-dalam-tren-gaya-hidup-halal/2/>. Akses 7 Oktober 2018.
- Fareed, Ahmad Malik. & Jibrail, Yusuf. (2016). Globalization, Consumerism and Halal Clothing in Brunei Darussalam. *Prosiding Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban*. Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Jamal, A Badawi. (1989) *The Muslim Women's Dress According to al-Quran and Sunnah*. London : Ta-Ha Publishers.
- Khalid bin Mardas Abu al-Haitsam al-Siraj. (2004) *Hadis Khalid bin Mardas al-Siraj*. Makhtut Nashr fi Barnamij Jawami' al-Kalam al-Majani al-Tabi' li Mauqi' al-Syabkah al-Islamiyyah.
- Mamduh Mahmud, Abd Rahman. (1996). *Al-Zinah wa al-Jamal fi Mizan al-Islam*. Kaherah: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Sapta, Nirwandar (2016) *Gaya Hidup Halal Sudah jadi Tren Dunia Bukan Hanya Untuk Muslim*. <http://www.unpad.ac.id/2016/10/sapta-nirwandar-gaya-hidup-halal-sudah-jadi-tren-dunia-bukan-hanya-untuk-muslim/>. Akses pada 7 Oktober 2018.
- Sarimah, Nordin., Suliamna Shakib, Mohd Noor. & Mohd Al-Ikhsan, Ghazali. (2016). Fenomena Tabarujj Masa Kini Dalam Kalangan Wanita Muslimah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan ke arah Keamanan Global*. <http://www.ium.edu.my/capeu2016/wp-content/uploads/2017/02/011.pdf>. Akses pada 20 November 2018.
- Sayid, Sabiq. (1990). *Fiqh al-Sunah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Saviq, Bachdar (2018) *Fashion Jadi Momentum Kebangkitan Wanita Muslim*. Marketeers. <http://marketeers.com/mode-kebangkitan-wanita-muslim/>. Akses pada 7 Oktober 2018.
- Shofian,Ahmad & Lotfiah, Zainol Abidin. (2004). *Aurat: Kod Pakaian Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Sutaya, Daud. (2016). *Fesyen Tepat Syariah Lebih Jimat?*. Majalah Anis bilangan 194. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn Bhd.
- Tanti, T. (2013). Tabarruj Dalam Al-Quran Dan Sunnah. *Istishlah Jurnal Hukum*.
- Tridjoko, Wisnu Morti (2017). Halal Life Style and Global Trade. *The 7th International Seminar on Tropical Animal Production Contribution of Livestock Production on Food Sovereignty in Tropical Countries*. <https://journal.ugm.ac.id/istaproceeding/article/view/30115>. Akses pada 17 November 2018.
- Yusuf, Qardawi. (1993). *Halal dan Haram Dalam Islam*. Terjemahan oleh Mu'ammal, Hamidy.PT Bina Ilmu.
- Wahbah, al-Zuhaili. (2005). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Terjemah, Syed Ahmad Syed Hussain *et al*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.